



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 19 MEI 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **31 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak **5,646 kes** (80.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 19 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **37 kes** baharu yang telah dilaporkan. Oleh itu, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,978 kes** dan jumlah **kes aktif** dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah **1,218 kes**. Ingin dimaklumkan daripada 37 kes baharu yang dilaporkan, dua (2) kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara, manakala 35 kes adalah penularan tempatan di mana 22 kes adalah bukan warganegara Malaysia.

Sehingga kini, terdapat **11 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, enam (6) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **114 kes** (1.63 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-114 (kes ke-6942) merupakan wanita warganegara Malaysia berumur 77 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit barah hati. Beliau telah dirawat di sebuah pusat perubatan di Pahang dan disahkan meninggal dunia pada 18 Mei 2020 jam 3.09 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

## **PATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) SEMASA MEMBELI-BELAH**

Menjelang musim perayaan ini, didapati ramai yang sudah memulakan aktiviti-aktiviti pembelian misalnya barang makanan, baju raya, perhiasan rumah dan lain-lain sebagai persiapan menyambut Hari Raya. Ini termasuk juga mereka yang membeli belah barangan harian.

Meskipun ramai pembeli dan peniaga yang akur kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, masih terdapat segelintir masyarakat yang didapati tidak acuh dan secara terang-terangan melanggar SOP yang telah ditetapkan di pusat beli-belah, kedai runcit dan lain-lain pusat pembelian. Ramai di kalangan netizen telah menularkan imej dan video

masyarakat yang tidak patuh kepada SOP. Ketidapatuhan ini sememangnya membimbangkan.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah membangunkan satu SOP Peruncitan yang bertindak sebagai garis panduan bagi semua pengusaha, peniaga dan pemilik perniagaan yang telah dibenarkan beroperasi. SOP tersebut adalah seperti berikut:

1. Memastikan penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan sepanjang masa;
2. Mengehadkan laluan keluar masuk ke premis dan kemasukan pelanggan ke dalam premis pada satu-satu masa bergantung kepada saiz premis untuk mengelakkan kesesakan;
3. Memastikan semua staf, pembekal dan pelanggan melalui proses saringan suhu badan sebelum masuk ke premis;
4. Menyediakan *hand sanitizer* di pintu masuk;
5. Mewajibkan pemakaian alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) oleh pekerja ketika berurusan; dan
6. Menjalankan proses nyah kuman dan pembersihan premis sepanjang tempoh operasi.

SOP ini merangkumi kompleks beli-belah, pasaraya / pasaraya besar, *departmental store*, butik / kedai pakaian, kedai serbaneka / *mini-mart* dan pelbagai peruncitan yang lain. Majikan-majikan peruncitan juga perlu menyelaraskan dan memantau kesemua garis panduan serta syarat-syarat yang telah ditetapkan ini dipatuhi oleh para pekerja dan pelanggan.

KKM juga menyeru kepada orang ramai supaya elakkan daripada aktiviti membeli-belah di tempat-tempat yang sesak dan sempit, di mana penjarakan sosial sukar diamalkan. Ibu bapa serta penjaga juga digesa untuk mengelak membawa kanak-kanak atau bayi ke pusat beli-belah serta tempat awam yang sesak bagi melindungi mereka daripada risiko jangkitan COVID-19.

Harus diingati bahawa walaupun jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan adalah semakin menurun, namun masih terdapat bahaya jangkitan COVID-19 di kalangan masyarakat. Oleh itu, kita mesti menjaga diri kita, keluarga kita dan juga komuniti kita daripada jangkitan COVID-19.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihatkan orang ramai agar mengambil tanggungjawab sosial (*social responsibility*) dalam memerangi wabak COVID-19 di Malaysia dengan kekal patuh kepada S.O.P iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Orang ramai turut diingatkan supaya patuh kepada 3S / 3C dan 3W seperti disarankan oleh KKM:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang dekat (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;

- Lakukan aktiviti disinfeksi;
- Duduk di rumah dan hanya keluar sekiranya ada urusan penting sahaja;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

19 Mei 2020 @ 4.30 petang

## LAMPIRAN 1

### BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 19 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *( )	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	95
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	255
SELANGOR	6 (1)	1,650
NEGERI SEMBILAN	0	776
MELAKA	0	215
JOHOR	1 (1)	669
PAHANG	2	338
TERENGGANU	0	110
KELANTAN	0	155
SABAH	6	337
SARAWAK	0	544
W.P. KUALA LUMPUR	22	1,588
W.P. PUTRAJAYA	0	91
W.P. LABUAN	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>37 (2)</b>	<b>6,978</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import